

## **6) PEMBANGUNAN RUMAH**

**Adun :** Y.B. Puan Pang Sock Tao (N06 Kuala Kubu Bharu)

**Kategori :** Lisan

**Sesi :** 3 (2024)

Sub soalan :

- a) Apakah status pembinaan 245 unit rumah PPR bagi pekerja ladang di lima estet di Bestari Jaya (Ladang Minyak, Ladang Sungai Tinggi, Ladang Mary, Ladang Nigel Garder dan Ladang Bukit Tagar)?**

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Program Perumahan Rakyat (PPR) atau kini dikenali sebagai Program Residensi Rakyat (PRR) Harmoni Madani, Bestari Jaya bagi penyelesaian untuk penempatan kepada bekas pekerja ladang yang terdiri daripada lima (5) ladang iaitu Ladang Minyak, Ladang Sungai Tinggi, Ladang Mary, Ladang Nigel Garder dan Ladang Bukit Tagar yang terletak di Bestari Jaya, Kuala Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merealisasikan projek PRR tersebut dengan kelulusan Kebenaran Merancang daripada Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah diperolehi pada 28 Oktober 2024 melibatkan penyediaan komponen kediaman sebanyak 245 unit PRR iaitu rumah teres 1 tingkat. Pihak PRIMA selaku agensi pelaksana projek ini dan seterusnya, pihaknya akan mengemukakan permohonan Pelan Bangunan untuk kelulusan oleh MPKS. Tahniah dan syabas diucapkan di atas pimpinan oleh YB Menteri, KPCT dan YAB Dato' Menteri Besar Selangor dalam menyelesaikan masalah bekas pekerja ladang di Bestari Jaya yang tertangguh melebihi 20 tahun yang lalu.

Bagi pelaksanaan projek ini, kos keseluruhan pembangunan PRR ini melibatkan sebanyak RM75 juta. Ini selaras dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 13/2024 bertarikh 10 Mei 2024 telah bersetuju dengan cadangan penyelesaian Rumah Kediaman Bekas Pekerja Ladang Berjaya City dengan peruntukan tersebut sejumlah RM75 juta melalui peruntukan KPCT sejumlah RM40 juta dan Kerajaan Negeri Selangor sejumlah RM35 juta.

Berdasarkan perancangan pembangunan ini, kerja-kerja memulakan pembinaan dijangkakan akan dilaksanakan pada awal tahun 2025 dengan tempoh siap selama 2 tahun pembinaan.

**b) Apakah jenis reka bentuk dan harga PPR tersebut?**

Cadangan pembangunan PRR Harmoni Madani ini melibatkan pembangunan 245 unit komponen rumah teres 1 tingkat yang mempunyai 3 bilik tidur dan 2 bilik air dengan cadangan keluasan lot iaitu 20 kaki X 60 kaki. Walau bagaimanapun, cadangan reka bentuk kediaman tersebut akan dimuktamadkan setelah mendapat kelulusan Pelan Bangunan daripada Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Manakala harga jualan seunit PRR yang ditetapkan adalah RM45,000.00 seunit kepada bekas pekerja ladang yang telah diperakukan.